

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.12.2024 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL
HAMID**

DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GOTONG-ROYONG
MEGA 2024 DAERAH SEBERANG PERAI UTARA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 DISEMBER 2024 (SABTU)
8.00 PAGI**

**PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR
TAMAN BAGAN LALANG
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Encik Chong Wei Hoong

Ahli Majlis MBSP Merangkap

Pengerusi Program Gotong-Royong Mega 2024

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap

Penyelaras Program Gotong-Royong Mega

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2024 Daerah Seberang Perai Utara Di Pusat Sumber Alam Sekitar, Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara** pada pagi yang mulia dan barakah ini.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Chong Wei Hoong, Ahli Majlis MBSP yang memainkan peranan sebagai penyelar program bersama-sama dengan MBSP.
3. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua hadirin yang mengambil bahagian dalam Program Gotong Royong Mega ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, di hujung minggu, mencerminkan kesungguhan dan komitmen yang padu, serta semangat berpasukan dan sekaligus memupuk semangat cintakan kehijauan.
4. Program Gotong-Royong Mega 2024 pada hari ini akan dilaksanakan di kawasan taman perumahan di kawasan Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara. Ini merupakan usahasama di antara kontraktor-kontraktor pembersihan yang dilantik oleh MBSP, penduduk setempat

dan Wira Oren MBSP sendiri, dalam usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan memelihara kebersihan persekitaran serta memberi kesedaran bahawa dengan program seumpama ini dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk setempat.

5. Sempena program ini, satu taklimat khusus mengenai pengasingan sisa di punca akan diberikan oleh pegawai MBSP bagi memberi penerangan terperinci tentang kaedah pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Taklimat ini juga bertujuan menggariskan impak negatif kepada alam sekitar sekiranya amalan kitar semula tidak diterapkan dalam kehidupan seharian kita.
6. Program Gotong-Royong Mega 2024 ini telah mula dilaksanakan pada 30 Jun 2024. Hari ini, program ini diadakan serentak di tiga (3) daerah, iaitu Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara; Taman Kota Permai, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah dan Bandar Tasek Mutiara, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. Sehingga kini, sebanyak 56 program gotong-royong telah dianjurkan di seluruh Seberang Perai. Ini merangkumi 18 program di Seberang Perai Utara, 18 program di Seberang Perai Tengah dan 20 program di Seberang Perai Selatan.
7. Program sebegini adalah salah satu inisiatif strategik MBSP dalam memantapkan pembersihan bandar khususnya di seluruh kawasan

Seberang Perai. Berdasarkan statistik kutipan sampah sepanjang Program Gotong-Royong Mega ini berlangsung, sebanyak 796.21 tan sampah telah berjaya dikutip hasil daripada usaha semua pihak termasuk penduduk sendiri.

8. Melihatkan kejayaan Program-Program Gotong-Royong Mega ini, MBSP akan terus menganjurkan program ini di sembilan (9) buah lokasi lagi di seluruh kawasan Seberang Perai sehingga penghujung tahun 2024, iaitu pada setiap hari Sabtu.
9. Program Gotong-Royong Mega ini bukan sekadar satu aktiviti, tetapi juga membuka ruang untuk memperbaiki dan memperkukuhkan komuniti secara keseluruhan, di samping dapat meningkatkan kualiti dan kebersihan persekitaran serta menambahbaik kemudahan infrastruktur di kawasan setempat. Tinggi harapan saya, agar program sebegini dijadikan wadah permulaan semangat cintakan kebersihan di kalangan penduduk Seberang Perai dan budaya kesepakatan menjaga alam sekitar ini sentiasa diamalkan.
10. Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP dan semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Akhir kata, saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program pada hari ini dan membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami.

11. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Program Gotong-Royong Mega 2024 Daerah Seberang Perai Utara Di Pusat Sumber Alam Sekitar, Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.